



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 17 MAC 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENDUDUK LEGA BERAAS PUTIH TEMPATAN 'DITEMUI' SEMULA, LOKAL, HM -7	LAIN-LAIN
2.	PESAWAH KEDAH MISKIN TEGAR, NEGERI, SINAR HARIAN -26	
3.	RAKYAT JOHOR LEGA BERAAS TEMPATAN ADA DI PASARAN, NASIONAL, BERITA HARIAN -16	
4.	PROJEK RINTIS PERTANIAN MODEN UTEM, KAMPUS, KOSMO - 15	
5.	TINGKAT HASIL PERTANIAN DENGAN SISTEM FERTIGASI PINTAR, KAMPUS, KOSMO -16	
6.	SISTEM FERTIGASI PINTAR, KAMPUS, KOSMO -17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

17/3/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

7

Penduduk lega beras putih tempatan 'ditemui' semula

Johor Bahru: Orang ramai di daerah ini menarik nafas lega dengan kembalinya beras putih tempatan bersubsidi dalam pasaran.

Tinjauan mendapati rata-rata pasar raya sekitar daerah ini menjual semula beras tempatan 10 kilogram (kg) dengan harga RM26 walaupun terhad dua kampil sahaja untuk satu keluarga rakyat tempatan.

Pesara, Kamaruddin Narjat, 65, berkata dia syukur apabila beras itu sudah boleh diperolehi di pasar raya berdekatan sejak tiga hari lalu.

Katanya, dia berharap usaha kerajaan untuk memastikan beras putih tempatan dengan harga murah dapat berterusan.

"Kita sudah jumpa semula beras putih tempatan, harga sama macam dulu RM26 sekampil. Selama ini kita hanya nampak beras import di pasaran dengan harga paling rendah RM32 sekampil."

"Alhamdulillah sekurang-kurangnya dengan kembalinya beras tempatan bersubsidi ini dapat meringankan beban saya. Namun saya harap bekalan berterusan, jangan sekejap ada, sekejap hilang," katanya ketika ditemui di sini, semalam.



Bagi peniaga nasi lemak, Ungku Mohd Farok Ungku Ahmad, 54, kewujudan semula beras putih tempatan dengan harga asal RM26 amat memudahkan peniaga sepertinya.

Katanya, sejak beras itu 'hilang' tahun lalu, dia terpaksa menanggung kos tambahan kerana perlu membeli beras import dengan harga lebih tinggi.

"Alhamdulillah, sebenarnya beras putih tempatan ini memang kami cari dan guna selama ini. Peniaga seperti saya memang akan guna beras tempatan kerana lebih murah. Bila guna beras import, margin keuntungan jadi rendah."

"Ada orang cakap kualiti tak sama, tetapi bagi saya beras ini boleh dimakan dan ada yang berkualiti bergantung kepada jenama pengeluar."

"Kami rakyat sangat berharap beras ini sentiasa ada di pasaran, kalau boleh harga seperti ini kekal sampai bila-bila," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar Pasaraya Econsave,

Mas Imran Adam memaklumkan pihaknya menerima kira-kira 500 kampil beras putih tempatan sejak beberapa hari lalu.

"Alhamdulillah kami dapat 500 kampil beras ini dan sambutan menggalakan dari golongan peniaga kecil dan keluarga B40."

"Kami juga berharap bekalan berterusan kerana ia memudahkan mereka yang pendapatan rendah membeli beras dengan harga murah. Kami mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang berusaha menyelesaikan isu beras tempatan ini," katanya.

Pada Februari lalu, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Badrul Hisham Mohd dilaporkan berkata sebanyak 24 juta kampil beras akan berada di pasaran Semenanjung dalam tempoh enam bulan bermula Mac ini.

Bekalan beras itu akan berada di pasaran sedia ada di seluruh Semenanjung dan turut dipasarkan di Program Jualan Rahmah Madani.



UNGKU Mohd Farok membeli beras putih tempatan bersubsidi 10 kilogram dengan harga RM26.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/3/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	26

Exco negeri dakwa purata pendapatan RM500 sebulan, Kedah bakal hasilkan varieti padi bantu pesawah

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Rata-rata pesawah di negeri ini didakwa hanya memperoleh pendapatan purata sekitar RM500 sebulan sahaja.

Exco Pertanian dan Perladangan negeri, Dzowahir Ab Ghani berkata, keadaan ini membimbangkan kerana pesawah adalah tulang belakang industri beras negara, tetapi mereka sendiri berdepan kesukaran untuk meneruskan kehidupan.

Menurutnya, antara faktor yang menyebabkan golongan pesawah mendapat pendapatan rendah adalah disebabkan oleh masalah benih padi yang tidak berkualiti.

"Purata pendapatan pesawah kita tidak sampai RM500 sebulan. Ini bukan sekadar miskin biasa, tetapi miskin tegar.

"Mereka bekerja di bawah panas terik untuk memastikan kita semua mendapat bekalan beras yang mencukupi, tetapi akhirnya pendapatan mereka tidak sepadan dengan usaha," katanya pada Sabtu.

Beliau berkata demikian pada program berbuka puasa bersama Persatuan Pengusaha Burung Walit Kedah di Bukit Pinang, di sini.

Pesawah Kedah miskin tegar

Menurutnya, pesawah sanggup membayar harga tinggi untuk benih berkualiti, tetapi malangnya mereka mendapat benih yang tidak menepati piawai-an.

"Banyak aduan daripada pesawah yang mengeluh mengenai isu ini.

Malah, ada yang terpaksa membayar lebih mahal daripada harga kawalan kerajaan untuk mendapatkan benih berkualiti, tetapi akhirnya masih kecewa dengan hasilnya.

"Ini bukan isu baharu. Malah, ada pemimpin sebelum ini yang sudah membangkitkan perkara ini, tetapi mungkin tidak diberi perhatian sewajarnya," ujarinya.

Bagi menangani isu itu, jelasnya, kerajaan negeri akan memperkenalkan satu inisiatif baharu dengan menyediakan tanah seluas 20.2 hektar sebagai kawasan ujian bagi menghasilkan varieti padi terbaik untuk Kedah.

Tambahnya, projek tersebut akan melibatkan kerjasama antara kerajaan negeri, institusi penyelidikan seperti Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), serta agensi nuklear bagi memastikan varieti padi dihasilkan benar-benar sesuai dengan ke-



DZOWAHIR

adaan tanah di Kedah.

"Keadaan tanah di Kedah berbeza dengan negeri lain seperti Selangor. Oleh itu, kita perlu mencari varieti yang paling sesuai untuk memastikan hasil lebih baik bagi pesawah," katanya.

Tegasnya, kerajaan negeri serius dalam menangani masalah yang

dihadapi pesawah kerana sektor pertanian merupakan nadi utama ekonomi Kedah.

Dalam masa sama, beliau menyeru agar pesawah terus bersatu dan menyuarakan pandangan mereka kepada kerajaan negeri bagi memastikan setiap usaha yang dilakukan benar-benar memberi manfaat kepada mereka.

Sementara itu, Dzowahir berkata, industri burung walit di Kedah menunjukkan potensi besar namun masih banyak ruang yang boleh diterokai oleh pengusaha tempatan bagi meningkatkan daya saing di peringkat global.

"Ini menunjukkan komitmen tinggi dalam kalangan pengusaha untuk memajukan industri ini.

"Namun, cabaran utama kini adalah bagaimana kita dapat membantu mereka meningkatkan pasaran dan daya saing produk burung walit ke peringkat lebih tinggi," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/3/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

Rakyat Johor lega beras tempatan ada di pasaran

Penduduk harap jualan berterusan, bukan dalam tempoh tertentu sahaja

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Rakyat Johor lega apabila beras putih tempatan bersubsidi boleh didapati di pasaran.

Tinjauan di beberapa pasar raya sekitar daerah ini mendapati rata-rata pasar raya besar menjual semula beras tempatan 10 kilogram (kg) dengan harga RM26 sekampit.

Namun, ia terhad dua kampil sahaja untuk satu keluarga rakyat tempatan.

Pesara, Kamaruddin Narjat, 65, meluahkan rasa syukur apabila beras itu sudah boleh diperolehi di pasar raya berdekatan sejak tiga hari lalu.

Beliau berharap usaha kerajaan untuk memastikan beras putih tempatan dengan harga murah seperti itu dapat berterusan dan tidak hanya sekadar dalam tempoh tertentu.

"Kita sudah jumpa semula be-

ras putih tempatan, harga sama macam dahulu, RM26 sekampit. Selama ini kita tak jumpa beras tempatan ini, kita hanya nampak beras import sahaja di pasaran dengan harga paling rendah RM32 sekampit.

"Alhamdulillah, sekurang-kurangnya dengan kembalinya beras ini, dapat meringankan beban saya. Saya seorang pesara, pendapatan pun sudah tidak banyak.

"Saya harap harga beras ini berkekalan dan dapat terus berada di pasaran sampai bila-bila, jangan sekejap ada, sekejap lagi sudah hilang semula," katanya ketika ditemui di sebuah pasar raya, di sini semalam.

Mudahkan peniaga nasi

Bagi peniaga nasi lemak, Ungku Mohd Farok Ungku Ahmad, 54, beras putih tempatan dengan harga asal RM26 memudahkan peniaga sepertinya.

Katanya, sejak beras itu 'hilang' pada tahun lalu, dia terpaksa menanggung kos tambahan kerana perlu membeli beras import dengan harga lebih tinggi.

"Alhamdulillah, sebenarnya beras putih tempatan ini memang kami cari dan guna selama ini, peniaga seperti saya memang guna beras tempatan kerana lebih murah. Bila guna beras import, margin keuntungan jadi rendah.



Ungku Mohd Farok membeli beras putih tempatan bersubsidi 10 kilogram dengan harga RM26 di sebuah pasar raya di Taman Teratai, Johor Bahru, semalam. (Foto Omar Ahmad/BH)

"Ada orang cakap, kualiti tak sama, tetapi bagi saya beras ini boleh dimakan dan ada yang berkualiti bergantung kepada jenama pengeluar.

"Kami sangat berharap beras ini sentiasa ada di pasaran, kalau boleh harga seperti ini kekal sampai bila-bila," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar

Pasaraya Eonsave, Mas Imran Adam, memaklumkan pihaknya menerima kira-kira 500 kampil beras putih tempatan sejak beberapa hari lalu.

"Alhamdulillah kami dapat 500 kampil beras ini dan sambutan menggalakkan daripada golongan peniaga kecil dan keluarga B40," katanya.

K!-KAMPUS

ISNIN 17.03.2025
www.kosmo.com.my
 kosmo online
 @ f X

Projek rintis pertanian moden UteM



Di satu sudut, kelihatan sibuk seorang lelaki sedang sibuk menguruskan kerja-kerja pembajaan dan pengaliran anak pokok di sebuah kebun.

Sesekali, dia sibuk memantau dan mengumpulkan data anak pokok bagi membekalkan air mencukupi selain memerhati kualiti sayur yang ditanam mencapai tahap optimum.

Bagi pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Mohamad Syafiq Hakemy Mohd. Ridhwan, 23, apa yang dilakukan itu adalah sebahagian daripada tuntutan dalam latihan industri yang sedang dijalani selama dua bulan di bawah bidang



UTeM menjadi universiti teknikal pertama negara yang berjaya mencipta dan merintis projek sistem kawalan penyiraman serta pembajaan berasaskan teknologi IoT."

pertanian moden.

Mohamad Syafiq memilih untuk mengikuti latihan industri di dalam

kampusnya sendiri iaitu di Kebun Komuniti Durian Tunggal UTeM.

"Saya melihat ini sebagai satu peluang besar untuk mempelajari penanaman yang lebih efektif.

"Tidak sekadar bekerja, saya juga berpeluang berjumpa dengan orang-orang yang lebih berpengalaman tentang menguruskan tanaman untuk mendapatkan hasil yang banyak, berkualiti dan sihat.

"Menerusi latihan ini juga, saya didedahkan dengan projek inovasi baharu ciptaan sekumpulan penyelidik UTeM dikenali sebagai Sistem Fertigas Pintar berteraskan teknologi Internet Kebendaan

(IoT)," katanya kepada K-Kampus.

UTeM menjadi universiti teknikal pertama negara yang berjaya mencipta dan merintis projek sistem kawalan penyiraman serta pembajaan berasaskan teknologi IoT tersebut.

IoT adalah rangkaian peranti yang berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain tanpa intervensi oleh manusia.

Teknologi tersebut diperkenal sekumpulan penyelidik UTeM diketuai Prof Madya Dr. Imran Mohd. Ibrahim dari Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (FTKEK) bertujuan meningkatkan hasil pengeluaran tanaman pertanian secara konsisten dan berkualiti.

Tingkat hasil pertanian dengan sistem fertigasi pintar

IMRAN (kanan) bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM, Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif (tengah) dan para pelajar yang terlibat projek tanam timun menggunakan teknologi IoT di kebun komuniti dalam kampus UTeM baru-baru ini.



MENERUSI inovasi yang dihasilkan oleh UTeM ini, aktiviti pertanian boleh dilakukan tanpa pengawasan tenaga manusia 24 jam.

MENERUSKAN perkongsian, pelajar semester keenam jurusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik itu berkata, IoT merupakan inovasi yang lebih efektif dalam mendapatkan data secara lebih tepat berbanding kaedah lama.

Sistem Fertigasi Pintar berteraskan teknologi IoT itu melibatkan penggunaan peranti yang terdiri daripada sensor, perisian dan beberapa peralatan yang membolehkan pengumpulan dan penghantaran data berlaku secara masa nyata (*real time*).

"Data tersebut dapat memberikan apa yang pokok perlukan untuk lebih cepat membesar dan menghasilkan sayuran atau buahan yang lebih berkualiti.

"Ia juga dapat menarik minat belia untuk menjadi petani moden di usia muda walaupun masing-masing mempunyai latar belakang pelajaran di peringkat tinggi.

"Pada masa sama, teknologi ini juga boleh mendatangkan hasil lumayan apabila buah atau sayur yang dihasilkan berkualiti tinggi serta mempunyai permintaan di luar negara untuk dagangan luar," ujarnya.

Sementara itu, Dr. Imran memberitahu, penggunaan IoT dalam sektor pertanian



Rencana Utama

Oleh
**SAIFUL ZAMRI
MISRANI**

mula tercetus pada tahun 2010 apabila ada keperluan terhadap ketepatan kepada input pertanian.

Menurutnya, idea ini mula berkembang di makmal dalam bentuk penyelidikan dan kini telah mula diaplikasikan di ladang pertanian dan penternakan.

Di Malaysia, penggunaan teknologi IoT dalam sektor pertanian masih baharu dan belum digunakan secara meluas.

Bercakap mengenai kelebihan projeknya, Dr. Imran berkata, ia bersifat pemantauan berterusan terhadap keperluan air dan baja yang diperlukan pokok.

Keunikan sistem IoT ini adalah ia boleh dikawal dari jarak jauh tanpa memerlukan pengawasan tenaga manusia selama 24 jam.

"Berdasarkan data ini, petani dapat

INFO

Sistem Fertigasi Pintar

- Sistem Fertigasi Pintar berteraskan teknologi Internet Kebendaan (IoT) bagi meningkatkan hasil pengeluaran tanaman pertanian secara konsisten
- Ciptaan sekumpulan penyelidik UTeM diketuai Prof. Madya Dr. Imran Mohd. Ibrahim
- Berfungsi membantu petani membuat kawalan sistem fertigasi seperti kawalan pam air secara jarak jauh

memahami karakter setiap tanaman yang dihasilkan.

"Sebagai contoh, melalui pemantauan kadar serapan air oleh pokok timun, kami mendapati serapan air lebih banyak berlaku pada waktu malam berbanding siang.

"Ini membolehkan air disalurkan segera dengan mengaktifkan 'valve' kawalan air secara jarak jauh.

"Risiko apabila air gagal disalurkan segera akan menyebabkan pokok timun ini kering dan kemungkinan mati pada keesokan paginya," katanya.

Terdahulu, majlis pelancaran Sistem Fertigasi Pintar Berasaskan Teknologi IoT telah diadakan di Kebun Komuniti Durian Tunggal UTeM sempena program Pendidikan Komuniti Universiti Awam (Komuniti@UniMADANI).

Merasmikan majlis ialah Ahli Parlimen Alor Gajah, Adly Zahari.

Menjelaskan lebih lanjut bagaimana teknologi itu beroperasi, Imran berkata, IoT ini menghubungkan sensor di ladang secara tanpa wayar menggunakan aplikasi rangkaian komunikasi baharu dinamakan *long range communication network* (LoRa) terus ke pusat pengumpulan data.

"Maklumat data ini boleh diakses di paparan pemuka peranti tablet atau komputer secara jarak jauh di mana-mana sahaja. Ini membolehkan petani memantau kandungan air dan baja pada tanaman serta tahap kesihatan pokok pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada.

"Malah, mereka (petani) juga boleh membuat kawalan kepada sistem fertigasi ini seperti kawalan pam air secara jarak jauh," katanya yang menyatakan sebuah sistem IoT menelan kos antara RM15,000 hingga RM20,000.

Mengulas tentang kualiti tanaman menerusi sistem ini, Imran memberitahu,



DR. IMRAN (tengah) dan empat lagi penyelidik yang membangunkan Inovasi Sistem Fertigasi Pintar berteraskan teknologi Internet Kebendaan (IoT) UTeM.



MOHAMAD SYAFIQ menunjukkan hasil tanaman timun yang diusahakan.

secara lazim, untuk tanaman timun selama enam minggu akan menghasilkan sebanyak enam tan, tetapi menerusi sistem ini, ia mampu menjana hasil tuaian sebanyak 4.5 tan hanya selepas dua minggu semaian.

Di samping itu, 95 peratus hasil tuaian adalah hasil gred A dan B yang boleh dijual, manakala hanya 5 peratus gred C yang tidak boleh dijual.

Tambahnya, produk ini berpotensi untuk dikomersialkan secara meluas untuk pertanian di Malaysia.

Fungsi dan keberkesannya terbukti setelah diuji di ladang berskala pertanian komersial iaitu 1,000 pokok timun dan telah memberi dapatan yang sangat positif serta menunjukkan peningkatan hasil tuaian.

Pada masa sama, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Massila Kamalrudin berkata, ini merupakan antara hasil terbaharu ciptaan sekumpulan penyelidik universiti bagi membantu meningkatkan hasil tanaman sektor pertanian.

Jelasnya, menerusi sistem ini juga



IoT ini menghubungkan sensor di ladang secara tanpa wayar menggunakan aplikasi rangkaian komunikasi baharu yang dinamakan *long range communication network* (LoRa) terus ke pusat pengumpulan data."

telah turut mampu mengawal kualiti tanaman pertanian dan menariknya apabila kumpulan petani boleh membuat kawalan sistem fertigasi seperti kawalan pam air secara jarak jauh.

Katanya, usaha kumpulan penyelidik UTeM menzahirkan kepakaran yang dimiliki dengan sentuhan teknologi terkini telah berjaya menaik taraf sektor pertanian ke tahap yang lebih moden dan maju.

